

Malaysia tiada kepentingan ekonomi

UM 2 2 AUG 2003

JOHOR BAHRU 21 Ogos — Malaysia tidak mempunyai kepentingan ekonomi di sebalik pembinaan segera jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Singapura dengan Johor, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata: "Ini bukan pasal ekonomi, kita hendak air laut mengalir, kita hendak bot terutamanya bot pelancongan boleh pergi balik (melalui bawah jambatan), ini (sebe-

lumnya) nak kena pusing jauh," jelas Perdana Menteri.

Beliau berkata, dakwaan bahawa Malaysia mempunyai kepentingan ekonomi di dalam menyegerakan pembinaan jambatan baru itu adalah tidak benar kerana apa yang Malaysia inginkan ialah perubahan ke arah alam sekitar yang lebih baik.

"Kita minta pada Singapura, kita ingin buat perubahan, jika pakai tambak, air (di Selat Teb-

rau) tidak boleh jalan (mengalir)," beliau menambahkan air di selat itu sudah terlalu kotor.

"Kita lihat pada gambar, bila dia (penyelam) menyelam, air kotor belemueh (istilah Kedah), saya tak tahu dia dapat penyakit atau tidak," jelas beliau pada sidang akhbar di majlis Perasmian Menara Kastam Johor serta melancarkan Jambatan Jalan dan Jambatan Kereta Api Projek Gerbang Perdana Bersepadu bagi menggantikan Tambak Johor di sini hari ini.

bina jambatan baru

Turut hadir ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Pengarah Kastam, Tan Sri Abdul Halil Abd. Mutalib.

Terdahulu pada majlis itu, Dr. Mahathir secara simbolik diberi batu granit tambak Johor berusia 80 tahun itu oleh seorang penyelam.

Ketika mengulas mengenai hubungan antara Singapura dan Malaysia di sebalik pembinaan jambatan baru itu yang tidak dipersetujui oleh negara jiran, beliau secara sinis berkata sesiapa

berhak membuat tafsiran masing-masing mengikut cara yang mereka suka.

"Masalah sekarang ialah kita nak buat jambatan, mereka (Singapura) tidak hendak, mereka hendak tunggu 2007, jika kita tidak boleh tunggu ia bukannya salah kita," tambah Perdana Menteri lagi.

Jambatan baru yang dimajukan oleh Gerbang Perdana Sdn. Bhd., (GPSB) dijangka menelan belanja RM1.1 bilion dan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2005.

Pembinaan jambatan itu bagi menampung jumlah kenderaan yang semakin meningkat tahun demi tahun akan mempunyai laluan kereta api *swing bridge* (jambatan hayun) bagi membolehkan kapal-kapal melalui bahagian bawahnya.

Projek jambatan itu turut merangkumi pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (ICQ) yang baru bagi menggantikan kompleks lama.